



U-Science UMS, Yayasan Inovasi Malaysia bincang kerjasama strategik perkas STEM

Oleh [Izwan Abdullah](#) - Mei 29, 2023 @ 12:12pm
bhnews@bh.com.my



Najib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kasim Mansur (tengah) menerima sumbangan peranti pintar daripada Ketua Eksekutif Operasi Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Mohd Rozaidi Abdul Rahman (tiga kiri) di Kota Kinabalu. - Foto UMS

KOTA KINABALU: U-Science, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) merangka kerjasama strategik dalam memperkasakan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Ketua U-Science UMS, Zawawi Tiyunin, berkata kedua-dua pihak mengadakan pertemuan minggu lalu, bagi membincangkan kerjasama yang boleh dikembangkan berkaitan bidang STEM sejajar kepentingannya dalam dunia masa kini.

Beliau berkata, dalam pertemuan kunjungan delegasi YIM ke U-Science UMS, di sini, baru-baru ini, kedua pihak turut membincangkan pelbagai perkongsian maklumat bagi meluaskan fungsi STEM dan membudayakan kepada kumpulan sasar di Sabah.

"Dalam perbincangan itu, kita turut memberi penerangan mengenai usaha yang dijalankan U-Science termasuk pameran 'Physics Fest'dan 'IT Project Exhibition' yang berlangsung pada 25 hingga 28 Mei lalu.

"Menerusi kerjasama yang lebih strategik, kita percaya penganjuran program untuk membudayakan STEM kepada masyarakat Sabah boleh dirangka dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan berkesan," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Rombongan YIM diketuai Ketua Pegawai Operasinya, Mohd Rozaidi Abdul Rahman.

YIM turut menyumbang lapan alat peranti pintar kepada U-Science yang diterima oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kasim Mansur.

Turut hadir, Eksekutif Kanan YIM, Syaifuldeen Muda; Ketua Pustakawan UMS, Md Sazali Md Salleh dan Pegawai Sains Kanan U-Science UMS, Malcolm Jilimin dan Saidah Mat Salleh.

Sementara itu, Kasim merakamkan penghargaan atas lawatan kerja YIM ke UMS dan pemberian sumbangan peranti kepada U-Science.

"Semoga usaha murni ini dapat dikekalkan bagi membantu meningkatkan pembelajaran sains di Sabah," katanya.